



اَبُو سَيِّدِي تَبَّوْ لُو يَنْبَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KERIS DEFINISI & PROSES PEMBUATAN



PTAR Kejuruteraan



اَوْبُوْ سَيْتِيْ تَيْكُوْ لُوْ كِيْ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

DEFINISI KERIS



Keris (aksara Jawa: ; Jawi: کریس)[1] ialah sejenis senjata tikam bermata dua yang berasal daripada pulau Jawa yang memiliki ragam fungsi budaya yang dikenali di kawasan Nusantara dan Asia Tenggara umumnya (Indonesia, Brunei, Malaysia, Singapura, Thailand Selatan, Filipina Selatan (Mindanao)).

Keris berasal daripada Pulau Jawa dan menyebar ke seluruh Nusantara, keris setidaknya telah dikenali pada abad ke-9 dan boleh dibuktikan dengan gambaran keris yang terdapat di Candi Borobudur. Senjata ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu mata, hulu dan sarung.

Keris umumnya digunakan untuk mempertahankan diri (misalnya sewaktu bersilat) dan mulanya digunakan sebagai alat kebesaran diraja. Keris yang paling masyhur pada masyarakat Melayu ialah keris Taming Sari yang merupakan senjata Hang Tuah, seorang pahlawan Melayu yang termasyhur.

Mengikut tradisi Jawa, keris menurut amalan Melayu tradisional perlu dijaga dengan cara diperasapkan pada masa-masa tertentu, malam Jumaat misalnya. Ada juga amalan mengasamlimaukan keris sebagai cara untuk menjaga logam keris dan juga untuk menambah bisanya. Antara lain, terdapat kepercayaan bahawa keris mempunyai semangatnya yang tersendiri.

Keris telah diiktiraf sebagai Karya Agung Warisan Budaya Kemanusiaan Lisan dan Tidak Ketara yang berasal daripada Indonesia oleh UNESCO sejak 2005 (sesi 1), dan versi mutakhir pada 2008 (sesi 3).





PROSES PEMBUATAN KERIS



Proses pembuatan keris pada zaman kini lebih kemas dan lebih canggih berbanding zaman dahulu kala. Kalau dilihat dari segi luaran, tidak ada perbezaan yang ketara antara keris zaman sekarang dengan zaman dahulu, tetapi, seni pembuatan keris tradisional lebih menampakkan lagi kekemasan dan keunikan ukiran pembuat keris zaman dahulu kala.

Proses-proses pembuatan keris ini memakan masa yang panjang dan lama. Bermula dari pemilihan besi hinggalah kepada pembentukan keris semestinya memerlukan kemahiran yang tinggi.

BAHAN DAN ALAT YANG DIGUNAKAN

MEMBUAT KERIS

Musang

Alat yang paling penting dalam kerja pertukangan besi. Ia diperbuat daripada kayu dan berbentuk tong panjang. Berfungsi untuk mengepam dan menghembuskan angin yang terperangkap masuk ke dalam saluran dapur untuk menempa besi. Musang juga dikenali dengan pelbagai nama, contohnya di Perak dikenali sebagai 'kelubung', dan 'hembusan' di Kelantan.

Andas

Landasan yang diperbuat daripada sekeping besi tebal dan diletakkan di atas sebongkah kayu. Digunakan sebagai tempat untuk mengetuk, menifik dan menempa besi yang panas.





Lepa

Sejenis alat pemotong besi. Bentuk mata lepa kelihatan seperti pahat yang disepitkan di antara dua keping buluh dan diikat kemas.



Tukul

Digunakan untuk menempa alat-alat besi yang matanya nipis.



Tukul puting

Berbentuk segiempat dan digunakan untuk mengasak masuk puting parang atau keris ke dalam hulunya.



Kikir

Mempunyai pelbagai saiz. Kikir digunakan untuk melicinkan dan menghaluskan mata keris yang telah dibentuk.





Jara sila

Jara sila digunakan untuk membuat lubang pada hulu.



Temin

Temin diperlukan untuk mengetatkan alat-alat besi di pangkal hulu.



Arang

Arang digunakan sebagai bahan api untuk membakar.



Pahat

Merupakan alat besi yang mempunyai mata yang tajam. Digunakan untuk membuat lubang dan mengukir. Terdapat dua jenis pahat yang utama, iaitu pahat mata bulat dan pahat mata lintang.





Proses Menempa.

Besi dibakar dan diketuk secara bertalu-talu sebelum dipotong. Setelah dipotong, mata besi itu dipanaskan semula dan diketuk berulang kali. Proses ini berterusan sehingga bentuk mata keris mula terbentuk.

Semasa proses pemanasan dan ketukan yang dilakukan terdapat pencatuman yang tidak begitu sempurna antara kepingan-kepingan besi tersebut. Percantuman yang tidak begitu sempurna ini menghasilkan corak yang menarik yang dinamakan pamor. Pemanasan ini juga menyebabkan sebahagian daripada besi tersebut mencair terutama bahagian luarnya. Dengan ketukan yang dibuat, bahagian besi yang cair tersebut akan menutup corak-corak pamor yang terhasil daripada campuran besi tersebut. Maka dengan kaedah tradisional ini para pembuat keris mempunyai ramuan masing-masing dalam cara menimbulkan kembali corak-corak pamor tersebut.



Proses Membuat Lok Keris.

Apabila mata keris telah terbentuk nyata, mata keris akan dibakar lagi dan seterusnya ditempa dengan cara mereng, hingga terbentuk seperti membengkok ke bawah. Mata keris yang telah bengkok tadi seterusnya dipalingkan ke arah bertentangan dan ditempa lagi hingga ia membengkok ke bawah seperti tadi, kaedahnya sama, Cuma bezanya kedudukan dianjakkan sedikit ke atas bilah. Kaedah yang sama dilakukan berterusan dengan cara berselang-seli hingga habis hujung ke bilah.

